



04 APR, 2022

HPPNK 2022 berlangsung meriah, saji pelbagai aktiviti

Harakah, Malaysia

Page 1 of 2

HPPNK 2022 berlangsung meriah, saji pelbagai aktiviti



Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor, menunjukkan bakat memasak.

Oleh SARINA ISMAIL

PADANG SERAI: Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Kedah (HPPNK) 2022 berlangsung dengan meriah dengan pelbagai aktiviti dan pameran bermula 27 hingga 31 Mac.

Bertemakan "Makanan Terjamin Negara Lestari, Terima Kasih Wira Agro Kedah", HPPNK dibuka kepada orang ramai dari jam 10 pagi hingga 10 malam sepanjang tempoh ia berlangsung.

Pada majlis itu seramai 24 orang terdiri daripada penternak, peladang dan nelayan menerima anugerah HPPNK 2022 yang disampaikan oleh Exco Pertanian, Azman Nashrudin.

Sementara itu, Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor hadir pada sebelah malamnya selain turut melawat tapak pameran.

Para pengunjung HPPNK 2022 disajikan dengan pelbagai pameran dan jualan sepanjang empat hari terabit dan berpeluang menerima hadiah berkuah dari pihak penganjur.

Antara agensi yang mengambil bahagian dalam pameran berkenaan termasuklah, Lembaga Pertanian Muda (MADA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Pihak Berkuaan Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan lain-lain lagi selain turut diserta oleh Badan

Bukan Kerajaan (NGO) yang menjual bahan-bahan produk pertanian masing-masing.

Dalam masa yang sama, semua daerah di seluruh Kedah juga mengambil bahagian dalam HPPNK berkenaan.

Pada sebelah malamnya (30 Mac), HPPNK dimeriahkan dengan Forum Ilmiah Pertama dengan menampilkan tiga ahli panel iaitu Ustaz Shafiq Gani, Ustaz Hafifi Don dan Ustaz Shah Shamugan Abdullah.

Manakala pada pada malam 27 Mac para hadirin dihidangkan dengan hidangan jiwa Malam Burdah dan Qasidah oleh Sautol Ansar yang didatangkan khas untuk HPPNK kali ini.



04 APR, 2022

HPPNK 2022 berlangsung meriah, saji pelbagai aktiviti

Harakah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PADANG SERAI: Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Kedah (HPPNK) 2022 berlangsung dengan meriah dengan pelbagai aktiviti dan pameran bermula 27 hingga 31 Mac. Bertemakan "Makanan Terjamin Negara Lestari, Terima Kasih Wira Agro Kedah", HPPNK dibuka kepada orang ramai dari jam 10 pagi hingga 10 malam sepanjang tempoh ia berlangsung. Pada majlis itu seramai 24 orang terdiri daripada penternak, peladang dan nelayan menerima anugerah HPPNK 2022 yang disampaikan oleh Exco Pertanian, Azman Nashriidin.